



## BAHAGIAN SUKAN, KOKURIKULUM DAN KESENIAN

Sports, Co-curricular and Arts Division

## KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

Ministry of Education Malaysia

Aras 1, 2 & 7, Blok E13, Kompleks E  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
62604 PUTRAJAYA  
MALAYSIA

Telefon : +603 8884 1001 / +603 8884 1002  
Faks : +603 8884 1034 / +603 8888 6790  
Laman Web : [www.moe.gov.my](http://www.moe.gov.my)

Ruj. Kami : KPM.600-4/2/6 ( 5 )  
Tarikh : 13 Oktober 2023

**Pengarah Pendidikan  
Jabatan Pendidikan Negeri**

YBhg. Datuk/Dato'/Dr. /Tuan/Puan,

### **PEMAKLUMAN PERKHEMAHAN KADET KOREKSIONAL SEKOLAH-SEKOLAH MENENGAH PERINGKAT KEBANGSAAN TAHUN 2023**

Dengan segala hormatnya perkara di atas dirujuk dan surat daripada pihak Jabatan Penjara Malaysia no.rujukan PRIDE.BPP.100-13/1/11 Jld.2 (30) bertarikh 9 Oktober 2023 adalah berkaitan.

2. Dimaklumkan bahawa Jabatan Penjara Malaysia dengan kerjasama Bahagian Sukan Kokurikulum dan Kesenian (BSKK), Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) akan menganjuran Perkhemahan Kadet Koreksional Peringkat Kebangsaan Tahun 2023.
3. Sehubungan dengan itu, BSKK, KPM memanjangkan surat daripada Jabatan Penjara Malaysia (dilampirkan bersama) yang menerangkan butiran program tersebut untuk makluman dan tindakan Jabatan Pendidikan Negeri.
4. Untuk sebarang pertanyaan berhubung perkara ini, pihak YBhg. Datuk/Dato/Dr./tuan/puan boleh menghubungi **En. Ong Gim Huat** di talian **03-8884 1256** atau e-mel **kevin.ong@moe.gov.my**.

Sekian terima kasih.

**“MALAYSIA MADANI”**

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menjalankan amanah,

**(ABDUL HADI BIN ABDUL RAHMAN)**

b.p. Pengarah

Bahagian Sukan, Kokurikulum dan Kesenian  
Kementerian Pendidikan Malaysia



**KADET KOREKSIONAL  
JABATAN PENJARA MALAYSIA**

---

**KERTAS CADANGAN PERKHEMAHAN  
PASUKAN KADET KOREKSIONAL  
PERINGKAT KEBANGSAAN  
TAHUN 2023**

---

---

**TARIKH: 31 OKTOBER, 1 & 2 NOVEMBER 2023  
(SELASA, RABU & KHAMIS)**

**TEMPAT: PUSAT KOKURIKULUM NEGERI SELANGOR - KEM TEKALI**

## **1.0 PENDAHULUAN**

Perkhemahan Pasukan Kadet Koreksional, Jabatan Penjara Malaysia Peringkat Kebangsaan merupakan salah satu aktiviti tahunan . Ianya bertujuan untuk memberi pendedahan kepada murid-murid sekolah dengan perlaksanaan aktiviti-aktiviti kepenjaraan kepada anggota kadet di samping membentuk sikap berdikari, semangat setiakawan, kerjasama, dan komitmen terhadap pasukan. Program ini merupakan program perkhemahan yang dianjurkan dengan kerjasama Kementerian Pendidikan Malaysia dan Jabatan Penjara Malaysia. Bahagian Pembangunan Profesionalisme Ibu Pejabat Penjara Malaysia dan Jabatan Pendidikan Selangor diamanahkan untuk menjadi pengelola bersama bagi Perkhemahan Pasukan Kadet Koreksional Peringkat Kebangsaan Tahun 2023.

## **2.1 TUJUAN**

Berdasarkan Seksyen 62A/62B Akta Penjara, Ketua Pengarah Penjara Malaysia dengan persetujuan Menteri Dalam Negeri dibolehkan menubuhkan Pasukan Kadet Koreksional untuk setiap penjara di seluruh Negara. Penubuhan ini bertujuan untuk memberi pendedahan kepada pelajar-pelajar tentang peranan dan fungsi Jabatan Penjara Malaysia dalam mengurus dan memulih para pesalah yang melanggar undang-undang negara supaya mereka dapat dibentuk menjadi individu yang berdisiplin dari segi mental dan fizikal sebagai persediaan menjadi pemimpin pada masa akan datang.

## **3.0 MATLAMAT**

Perkhemahan Pasukan Kadet Koreksional Kebangsaan Tahun 2023 ini diadakan untuk memberi pendedahan yang lebih luas mengenai aktiviti Kepenjaraan untuk meningkatkan disiplin dan sahsiah diri, membina semangat kerjasama dan patriotisme disamping memberi pendedahan dan kefahaman mengenai tanggungjawab dalam membimbing rakan sebaya bagi menghindari gejala-gejala sosial yang semakin berleluasa dewasa ini.

## **4.0 OBJEKTIF**

- 4.1 Membina semangat jati diri dan daya juang yang tinggi dikalangan ahli kadet yang mengambil bahagian dalam perkhemahan di samping mematuhi peraturan dan syarat-syarat yang ditetapkan.
- 4.2 Melahirkan insan yang mantap dari segi jasmani, emosi, rohani, disiplin dan intelek bagi menjadi pemimpin generasi akan datang.
- 4.3 Melahirkan insan mulia yang menjadi pembimbing rakan sebaya lain dalam menghadapi masalah atau kegiatan yang tidak sihat.
- 4.4 Menyemai semangat kerjasama dan kekitaan dikalangan pelajar bagi melahirkan insan yang saling bantu membantu dan bersatu padu dalam setiap bidang yang diceburi.

- 4.5 Membentuk disiplin diri yang tinggi demi menjaga nama baik dan imej Kementerian Pendidikan Malaysia serta Jabatan Penjara Malaysia.
- 4.6 Mempereratkan hubungan silaturrahim antara warga pendidik dengan Jabatan Penjara Malaysia.

## **5.0 HASIL PEMBELAJARAN AKTIVITI (*ACTIVITIES LEARNING OUTCOME*)**

Pencapaian pelajar daripada perkhemahan ini diukur oleh hasil pembelajaran. Hasil pembelajaran ini adalah kompetensi yang patut diperoleh oleh pelajar apabila selesai mengikuti setiap satu daripada aktiviti yang dirancang. Ciri-ciri ini terkandung dalam lapan domain hasil pembelajaran iaitu;

- 5.1 Pengetahuan ilmu bidang kepenjaraan;
- 5.2 Kemahiran praktikal kepenjaraan;
- 5.3 Kemahiran dan tanggungjawab sosial sebagai anggota masyarakat;
- 5.4 Nilai, sikap dan profesionalisme;
- 5.5 Kemahiran komunikasi, kepimpinan dan kerja berpasukan;
- 5.6 Kemahiran penyelesaian masalah dan kemahiran saintifik; dan
- 5.7 Kemahiran pengurusan maklumat dan kerjaya.

## **6.0 TARIKH**

**31 Oktober, 1 & 2 November 2023**

## **7.0 TEMPAT PERKHEMAHAN**

**Pusat Kokurikulum Negeri Selangor, Kem Tekali**

## **8.0 TEMPAT MAJLIS PENUTUP**

**Pusat Kokurikulum Negeri Selangor, Kem Tekali**

## **9.0 PERASMIAN/PENUTUPAN**

**Pengarah Jabatan Penjara Malaysia**

## **10.0 PENYERTAAN**

- 10.1 Penyertaan adalah terdiri daripada Ahli berdaftar Kadet Koreksional sahaja.
- 10.2 Peserta hendaklah sihat dan bebas dari sebarang penyakit yang kronik **serta wajib mempunyai pelindungan insuran.**
- 10.3 Setiap negeri diminta menghantar seramai **30 anggota** kadet terdiri dari **15 anggota lelaki** dan **15 anggota perempuan**. Setiap kontinen hendaklah menghantar peserta mengikut pecahan yang telah ditetapkan.
- 10.4 Ketua Kontinen adalah terdiri daripada Pegawai Perkhidmatan Pelajaran.
- 10.5 Peserta mestilah terdiri daripada murid yang sedang belajar di sekolah bantuan penuh Kementerian Pendidikan Malaysia.
- 10.6 Semua peserta hendaklah mengisi borang kebenaran ibubapa dan **diserahkan kepada urusetia program semasa pendaftaran.**

## **11.0 URUSETIA**

Maklumat urusetia adalah seperti berikut :

- 11.1 Bahagian Pembangunan Profesionalisme  
Jabatan Penjara Malaysia
- 11.2 Unit Pembangunan Bakat Murid,  
Sektor Pembangunan Murid,  
Jabatan Pendidikan Negeri Selangor
- 11.3 Pejabat Pengarah Penjara Negeri Selangor
- 11.4 Pegawai Teknik Kadet Koreksional  
Negeri Selangor

## **12.0 PENYEDIAAN MAKANAN DAN MINUMAN**

- 12.1 Makanan dan minuman peserta dan pegawai disediakan secara berpusat yang akan diuruskan oleh jawatankuasa yang ditetapkan.
- 12.2 Sekiranya terdapat **pelajar vegetarian**, Ketua Kontinen hendaklah memberitahu bilangannya kepada urusetia semasa pendaftaran.
- 12.3 Agihan makanan dibuat mengikut kontinen dan diminta semua Guru Pengiring akur dengan jadual masa makan / minum dan hantar peserta – peserta untuk mendapatkan makanan dan minuman kontinen.
- 12.4 **Sajian bagi perkhemahan bermula dengan minum petang pada 31 Oktober 2023 hingga minum petang pada 2 Novermber 2023**

**disediakan oleh pihak urus setia.** Kos sajian sebelum dan selepas tarikh yang ditetapkan adalah atas tanggungan kontinjen masing-masing.

## 13.0 PENGINAPAN

- 13.1 Semua peserta akan menginap di dalam khemah yang disediakan oleh kontinjen negeri masing-masing.
- 13.2 Sila pastikan setiap kontinjen membawa jumlah khemah yang secukupnya bagi keperluan kontinjen masing-masing.

## 14.0 PENGANGKUTAN

Pengangkutan kontinjen disediakan oleh **Jabatan Penjara Malaysia** mengikut institusi Penjara Negeri masing-masing.

## 15.0 JUMLAH PENYERTAAN

BIL	NEGERI	ANGGOTA KADET			GURU PENGIRING			J/LATIH	JUMLAH
		L	P	JUM	L	P	JUM		
1	SELANGOR	15	15	<b>30</b>	2	2	<b>4</b>	<b>3</b>	<b>37</b>
2	NEGERI SEMBILAN	15	15	<b>30</b>	2	2	<b>4</b>	<b>3</b>	<b>37</b>
3	MELAKA	15	15	<b>30</b>	2	2	<b>4</b>	<b>3</b>	<b>37</b>
4	JOHOR	15	15	<b>30</b>	2	2	<b>4</b>	<b>3</b>	<b>37</b>
5	KELANTAN	15	15	<b>30</b>	2	2	<b>4</b>	<b>3</b>	<b>37</b>
6	TERENGGANU	15	15	<b>30</b>	2	2	<b>4</b>	<b>3</b>	<b>37</b>
7	PAHANG	15	15	<b>30</b>	2	2	<b>4</b>	<b>3</b>	<b>37</b>
8	PERLIS	15	15	<b>30</b>	2	2	<b>4</b>	<b>3</b>	<b>37</b>
9	KEDAH	15	15	<b>30</b>	2	2	<b>4</b>	<b>3</b>	<b>37</b>
10	PERAK	15	15	<b>30</b>	2	2	<b>4</b>	<b>3</b>	<b>37</b>
11	SABAH	15	15	<b>30</b>	2	2	<b>4</b>	<b>3</b>	<b>37</b>
12	SARAWAK	15	15	<b>30</b>	2	2	<b>4</b>	<b>3</b>	<b>37</b>
13	PULAU PINANG	15	15	<b>30</b>	2	2	<b>4</b>	<b>3</b>	<b>37</b>
									<b>481</b>

## 16.0 PENDAFTARAN

- 16.1 Setiap kontingen perlu mengisi borang penyertaan pegawai dan peserta perkhemahan dengan lengkap.
- 16.2 Setiap kontinen perlu menghantar borang penyertaan pegawai dan peserta yang telah disahkan oleh Jabatan Pendidikan Negeri masing-masing dalam bentuk **SOFT COPY** berdasarkan format yang diberikan dalam *LAMPIRAN*

- 1 dengan menggunakan perisian **MICROSOFT EXCEL** sahaja melalui Apps Sheet yang akan dimaklumkan kepada Jabatan Pendidikan Negeri.
- 16.3 Pengesahan borang penyertaan untuk tujuan pengurusan sajian dan penglibatan peserta ke pihak Urusetia **sebelum 25 Oktober 2023**.
- 16.4 Semua kontinjen dikehendaki melaporkan diri dan membuat pendaftaran mulai jam 2.00 petang hingga 5.00petang pada 31 Oktober 2023 di Pusat Kokurikulum Negeri Selangor,Kem Tekali.

## **17.0 SURAT KEBENARAN DAN BORANG LAPORAN KESIHATAN PESERTA**

Setiap kontinjen perlu membawa **Surat Kebenaran Ibu bapa / Penjaga** dan **Borang Laporan Kesihatan** untuk setiap peserta yang menyertai pertandingan seperti dalam *LAMPIRAN 2* dan *LAMPIRAN 3*.

## **18.0 PERATURAN DAN ARAHAN PERKHEMAHAN**

### **18.1 Amaran Keras Dan Tindakan Tatatertib**

- 18.1.1 Semua jenis senjata, termasuk pisau, parang adalah ditegah disimpan dalam penginapan peserta.
- 18.1.2 Dadah, minuman keras dan rokok di tegah daripada dibawa masuk atau menyimpan ataupun bersubahat/ bekerjasama menyimpan di kawasan penginapan, diamalkan dan apa sahaja yang berkaitan dengannya.
- 18.1.3 Semua bentuk perjudian dan pertaruhan adalah dilarang sama sekali.
- 18.1.4 Semua bentuk perbuatan sumbang atau menjolok mata ditegah.
- 18.1.5 Kawasan penginapan Puteri adalah larangan bagi peserta Putera dan sebaliknya.
- 18.1.6 Tindakan Keras dan Tatatertib akan dikenakan jika terdapat peserta yang ditangkap atau didapati melanggar amaran di atas sama ada disengajakan ataupun tidak disengajakan.
- 18.1.7. **Peserta tidak dibenarkan membawa telefon bimbit dan barang kemas semasa perkhemahan**

### **18.2 Peraturan Kebersihan**

- 18.2.1 Kawasan luar/ dalam kawasan perkhemahan mestilah sentiasa berkeadaan bersih dan teratur.
- 18.2.2 Sampah hendaklah dibuang di tempat yang disediakan.

- 18.2.3 Dilarang menconteng, merosakkan peralatan di kawasan perkhemahan atau sekitarnya.
- 18.2.4 Tempat solat hendaklah sentiasa berkeadaan bersih dan tersusun.
- 18.2.5 Sila pastikan tandas dan bilik air dalam keadaan terbaik kerana ia adalah untuk kegunaan ramai dan bersama.
- 18.2.6 Bagi kaum wanita – sila pastikan tuala wanita dibersihkan dahulu sebelum dibuang di tempat yang sepatutnya.

## **19.0 CADANGAN AKTIVITI PERKHEMAHAN DIPERTANDINGKAN MENGIKUT KONTINJEN NEGERI**

### **19.1 Pertandingan Kemahiran**

dikendalikan sepenuhnya oleh Jabatan Penjara Malaysia.

19.1.1 Pertandingan Kawad Kaki Berpasukan

19.1.2 Pertandingan Seni Tangkas Penjara

Dikendalikan oleh Urus Setia

19.1.3 Pertandingan Kebudayaan

### **19.2 Aktiviti Integrasi**

dikendalikan secara bersama oleh Jabatan Penjara Malaysia dan Jabatan Pendidikan Negeri Selangor

19.2.1 Orienteering / Rentas halangan

19.2.2 Kembara Ilmu

19.2.3 Ikhtiar Hidup

19.2.4 Permainan Kooperatif

19.2.5 Aktiviti Kemasyarakatan

### **19.3 Jadual Aktiviti Perkhemahan, rujuk *LAMPIRAN 7*.**

## **20.0 KEPERLUAN YANG PERLU DI BAWA**

- 20.1 **Khemah** secukupnya (*6 Men Tent*)
- 20.2 **Lampu Suluh** dan **Peti First Aids** yang lengkap
- 20.3 **Uniform** lengkap untuk acara Majlis Perasmian Penutup ; 1 pasang
- 20.4 **T-Shirt** Kadet Koreksional ; Warna coklat cair **berkolar**
- 20.5 **Seluar Track Hitam** dan **Baju T** unit untuk aktiviti ; aktiviti perkhemahan – sekurang-kurangnya 2 helai.
- 20.6 **Kasut sukan** sekurang ; kurangnya 2 pasang.
- 20.7 Keperluan **ubatan** peribadi
- 20.8 **Peralatan Mandi**
- 20.9 **Peralatan Ibadah**

## **21.0 SIJIL**

Agihan sijil adalah seperti berikut :

- 21.1 **Sijil Penyertaan** - Peserta perkhemahan.
- 21.2 **Sijil Pencapaian** - Pemenang aktiviti pertandingan.
- 21.3 **Sijil Penghargaan** - Guru Pengiring, Jurulatih dan Jawatankuasa terlibat.

## **22.0 PENGADILAN**

- 22.1 Setiap aktiviti yang dipertandingkan, Jawatankuasa Pengelola akan melantik Ahli Jawatankuasa Pertandingan dan Teknikal yang bertanggungjawab untuk mengendalikannya.
- 22.2 Pengadil-pengadil yang dilantik bagi aktiviti pertandingan terdiri daripada **pegawai/jurulatih** yang akan dilantik semasa pendaftaran peserta. Setiap kontinjen perlu melantik **seorang Juri Kawad Kaki** dan **seorang Juri Sentap** daripada setiap kontinjen.
- 22.3 Pengadil bagi Persembahan Kebudayaan pula terdiri daripada Guru Pengiring daripada setiap Kontinjen. Jabatan Pendidikan Negeri akan melantik Ketua Juri daripada guru yang mahir dalam bidang tersebut.

## 23.0 AKTIVITI PERTANDINGAN DAN BILANGAN PESERTA TERBABIT

BIL	AKTIVITI	KATEGORI	BILANGAN PESERTA		TEMPAT
			L	P	
1.	<b>Pertandingan Kawad Kaki Berpasukan</b>	Campuran	13 atau 12	12 atau 13	Pusat Kokurikulum JPN Selangor
2.	<b>Pertandingan Seni Tangkas Penjara (SENTAP)</b>	Campuran	13 atau 12	12 atau 13	Pusat Kokurikulum JPN Selangor
3.	<b>Pertandingan Kebudayaan</b>	Campuran	10 hingga 15 orang		Pusat Kokurikulum JPN Selangor

\*Semua aktiviti di atas akan dipertandingan dan dikira sebagai markah terkumpul setiap kontinjen

## 24.0 KATEGORI HADIAH DAN SIJIL PENCAPAIAN

	PERTANDINGAN	KATEGORI LELAKI	KATEGORI PEREMPUAN	JUMLAH
1.	<b>Pertandingan Kawad Kaki Berpasukan</b>			
	Johan	25		<b>25</b>
	Naib Johan	25		<b>25</b>
	Ketiga	25		<b>25</b>
2.	<b>Pertandingan Ketua Platun Terbaik</b>			
	Johan	1		<b>1</b>
	Naib Johan	1		<b>1</b>
	Ketiga	1		<b>1</b>
3.	<b>Pertandingan SENTAP</b>			
	Johan	10	10	<b>20</b>
	Naib Johan	10	10	<b>20</b>
	Ketiga	10	10	<b>20</b>
4.	<b>Persembahan Kebudayaan</b>			
	Johan	15		<b>15</b>
	N.Johan	15		<b>15</b>
	Ketiga	15		<b>15</b>
5.	<b>Piala Iringan Johan Keseluruhan</b>			<b>1</b>
6.	<b>Piala Pusingan Johan Keseluruhan</b>			<b>1</b>

## **25.0 CADANGAN ATURCARA PERASMIAN PENUTUPAN**

### **ATURCARA MAJLIS PERASMIAN PENUTUPAN PERKHEMahan PASUKAN KADET KOREKSional PERINGKAT KEBANGSAAN TAHUN 2023**

<b>Tarikh</b>	<b>:</b>	<b>2 November 2023 (Khamis)</b>
<b>Masa</b>	<b>:</b>	<b>10.30 pagi</b>
<b>Tempat</b>	<b>:</b>	<b>Pusat Kokurikulum JPN Selangor, Kem Tekali</b>
10.30 pagi		Peserta dan Pegawai mengambil tempat.
10.40 pagi		Ketibaan Dif-dif Jemputan
10.50 pagi		Perbarisan Kontinjen Masuk Padang
11.00 pagi		Ketibaan tetamu jemputan
		Ketibaan YBhg. Pengarah Pendidikan Negeri Selangor
		Ketibaan YBhg. Pengarah Jabatan Penjara Malaysia
		Nyanyian Lagu 'Negaraku'
		Nyanyian lagu Bersama Berbakti 'Kadet Koreksional'
		Pemeriksaan Barisan Kontinjen
		Bacaan Doa
		Ucapan Alu-aluan Unit Kokurikulum Jabatan Pendidikan Selangor
		Penyampaian Sijil Penghargaan dan Sijil Penyertaan
		Penyampaian Hadiah Pertandingan
		Ucapan Perasmian Penutupan Perkhemahan Pengarah Jabatan Penjara Malaysia
		Penyampaian Cenderahati
		Persembahan Pemenang Kawad Kaki Berpasukan
		Jamuan
12.00 tengahari		Bersurai.

## **26.0 PENUTUP**

Adalah amat diharapkan agar **Perkhemahan Pasukan Kadet Koreksional Peringkat Kebangsaan Tahun 2023** ini dapat dijalankan dengan lebih cemerlang ke arah kegemilangan yang paling tinggi. Kerjasama dari para pegawai dan semua pihak yang terlibat begitu diperlukan untuk menjayakan hasrat murni Kementerian Pelajaran Malaysia dan Jabatan Penjara Malaysia.



**PERKHEMAHAN PASUKAN KADET KOREKSIONAL PERINGKAT KEBANGSAAN  
TAHUN 2023**

**BORANG MAKLUMAT PENDAFTARAN**

<b>KONTINJEN</b>	
------------------	--

**PEGAWAI**

<b>BIL</b>	<b>NAMA</b>	<b>JAWATAN</b>	<b>NO. TELEFON</b>
1		<i>Pengurus Kontinjen Lelaki</i>	
2		<i>Guru Pengiring Lelaki</i>	
3		<i>Guru Pengiring Wanita</i>	
4		<i>Guru Pengiring Wanita</i>	
5		<i>Jurulatih Lelaki</i>	
6		<i>Jurulatih Lelaki</i>	
7		<i>Jurulatih Wanita</i>	

**PESERTA PERKHEMAHAN**

<b>BIL</b>	<b>NAMA</b>	<b>JANTINA</b>	<b>SEKOLAH</b>	<b>BANGSA</b>
1	KETUA PLATUN:	Lelaki/ Perempuan		
2		Lelaki		
3		Lelaki		
4		Lelaki		
5		Lelaki		
6		Lelaki		
7		Lelaki		
8		Lelaki		
9		Lelaki		
10		Lelaki		
11		Lelaki		
12		Lelaki		
13		Lelaki		
14		Lelaki		
15		Lelaki		
16		Perempuan		
17		Perempuan		

18		Perempuan		
19		Perempuan		
20		Perempuan		
21		Perempuan		
22		Perempuan		
23		Perempuan		
24		Perempuan		
25		Perempuan		
26		Perempuan		
27		Perempuan		
28		Perempuan		
29		Perempuan		
30		Perempuan		

Pengesahan

( ..... )  
Ketua Unit Kokurikulum

**LAMPIRAN 2**

Saya

No Kad

Pengenalan :

Beralamat di

No.Telefon :

mengaku adalah waris kepada murid bernama di bawah :

Nama :  
Pelajar  
Tingkatan :  
Sekolah :

No.Pengenalan / S.Lahir :

Saya dengan ini memberi kebenaran bertulis saya kepada anak / jagaan saya untuk menyertai:

Nama Program **PERKHEMAHAN KADET KOREKSIONAL  
PERINGKAT KEBANGSAAN TAHUN 2023**

Tempat **PUSAT KOKURKULUM NEGERI SELANGOR, KEM TEKALI**

Tarikh Program **31 OKTOBER , 1 DAN 2 NOVEMBER 2023**

Anjuran **KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA DAN JABATAN  
PENJARA MALAYSIA**

Kelolaan **JABATAN PENDIDIKAN NEGERI SELANGOR**

2. Saya difahamkan bahawa soal keselamatan dan disiplin sentiasa diberi perhatian sewajarnya oleh Guru/ Pegawai/ Urusetia yang telah diamanahkan. Sekiranya kesihatan anak/ jagaan saya terganggu dalam masa latihan/ perkhemahan atau perjalanan / semasa program , maka saya dengan sepenuh hati membenarkan Guru/ Pegawai / Urusetia menguruskan bagi pihak saya untuk mendapatkan rawatan perubatan .

3. Saya dengan ini mengakui bahawa pelajar di atas **ADA / TIDAK ADA\*** mengidap penyakit kronik/ berjangkit.

Nyatakan (jika ada) ..... \* potong yang berkenaan

Tarikh

: Tandatangan Ibu Bapa / Penjaga/  
Waris**PENGAKUAN****SAKSI**

Saya dengan ini memperakarkan bahawa sepanjang pengetahuan saya, segala keterangan di atas adalah benar.

Tarikh:

Tandatangan  
Saksi :  
Nama :  
No.Kad  
Pengenalan:

Disahkan oleh Pengetua/  
Guru Besar / Cop rasmi

: .....

**BORANG PERAKUAN KESIHATAN MURID SEBELUM MENYERTAI  
AKTIVITI KOKURIKULUM**

<b>NAMA AKTIVITI</b>	PERKHEMahan KADET KOREKSional PERINGKAT KEBANGSAAN 2023		
<b>TEMPAT AKTIVITI</b>	PUSAT KOKURIKULUM JPN SELANGOR (KEM TEKALI)		
<b>PERINGKAT AKTIVITI</b>	PERINGKAT KEBANGSAAN		
<b>TARIKH MULA</b>	31 OKTOBER 2023	<b>TARIKH AKHIR</b>	2 NOVEMBER 2023
<b>NAMA PENUH MURID</b>			
<b>NO. K.P/SIJIL LAHIR</b>			
<b>JANTINA</b>		<b>NO. INSURANS TAKAFUL (Dapatkan dari pihak sekolah)</b>	
<b>NO. TELEFON RUMAH</b>		<b>NO. TELEFON BIMBIT PENJAGA</b>	

**REKOD PERUBATAN:**

Pernahkah anda menerima imunisasi terhadap Tetanus (Tandakan)	Ya	Tidak
Jika pernah, sila nyatakan tarikh terakhir anda menerima imunisasi.		

**SILA TANDAKAN ✓ JIKA "YA" DAN X JIKA "TIDAK" DI PETAK YANG BERKENAAN:**

Pernah Pening atau sakit kepala yang teruk	Pernah dilakukan pembedahan pada tubuh
Pernah bermasalah pernafasan atau asma	Pernah mempunyai sakit sawan (epilepsy)
Alahan pada bisa, ubatan atau air laut	Pernah alami Diabetes atau tekanan darah tinggi
Pernah alami kecederaan pada tulang	Pernah mabuk laut atau pergerakan
Pernah alami sakit jantung	Pernah alami masalah buah pinggang
Pernahkah anda dalam tempoh satu bulan yang lalu mengalami sebarang penyakit berjangkit atau cirit-birit?	

**SILA BERIKAN MAKLUMAT TERPERINCI JIKA MASALAH KESIHATAN DI ATAS BERKAITAN DENGAN ANDA.**

**SEKIRANYA PELAJAR MEMPUNYAI SALAH SATU DARIPADA PENYAKIT DI ATAS, PELAJAR ADALAH DILARANG MENYERTAI PERTANDINGAN DI ATAS.**

Tanda Tangan Peserta & Nama: Disahkan oleh Pengetua : Tarikh :

..... ( ) ..... ( ) .....

**SYARAT-SYARAT PERTANDINGAN KAWAD KAKI BERPASUKAN  
PERKHEMahan PASUKAN KADET KOREKSional PERINGKAT KEBANGSAAN  
TAHUN 2023**

**1. PENYERTAAN**

- 1.1 Penyertaan adalah terbuka kepada kontinjen Kadet Koreksional yang menyertai Perkhemahan Pasukan Kadet Koreksional Peringkat Kebangsaan Tahun 2023.
- 1.2 Hanya satu pasukan sahaja dibenarkan mewakili kontinjen iaitu Kategori Campuran melibatkan 13 orang kadet lelaki dan 12 orang kadet perempuan atau sebaliknya.

**2. PENDAFTARAN**

- 2.1 Anggota pasukan dan Ketua Platon mestilah terdiri daripada pelajar-pelajar yang sedang menuntut di sekolah (sehingga Tingkatan 6).
- 2.2 Jumlah anggota bagi sesebuah pasukan yang didaftarkan mestilah seramai 25 orang.
- 2.3 Setiap peserta diminta membawa kad pengenalan untuk tujuan penyemakan status. Surat kebenaran penjaga perlu juga disertakan bersama. Kegagalan memenuhi keperluan ini boleh menyebabkan pendaftaran dibatalkan.

**3. PAKAIAN DAN KEKEMASAN DIRI**

- 3.1 Pakaian anggota pasukan dan Ketua Platon hendaklah pakaian rasmi pasukan Kadet Koreksional.
- 3.2 Setiap satu item yang tiada pada kedudukannya ketika kawad dinamik atau formasi ditolak 1 markah bagi satu item.
- 3.3 Pakaian dan aksesori semasa pertandingan ialah seperti berikut :
  - 3.3.1 Uniform kadet yang dibekalkan kepada kadet yang dibenarkan
  - 3.3.2 Beret dan jambul hijau
  - 3.3.3 Mafla bagi lelaki/bertudung warna coklat bagi wanita
  - 3.3.4 Lencana kolar
  - 3.3.5 Lencana bahu
  - 3.3.6 Rantai
  - 3.3.7 Tali pinggang putih
  - 3.3.8 Shoulder Strap putih
  - 3.3.9 Anklet
  - 3.3.10 Kasut kawad

3.4 Kekemasan Diri.

3.4.1 Rambut hendaklah dipotong *slope*. Bagi wanita, rambut yang panjang hendaklah disanggul dengan jaring rambut hitam atau bertudung warna pakaian kadet.

3.4.2 Misai dan janggut tidak dibenarkan.

**4. PADANG KAWAD**

4.1 Keluasan litar pertandingan ialah 35m X 25m. (Rujuk pelan).

4.2 Kun-kun sempadan luar hendaklah bersaiz 16 inci dan sama warna. Sementara kun-kun di dalam litar hendaklah bersaiz 6 inci dengan kun E dan F berwarna hijau manakala kun A, B, C dan D hendaklah sama warna (selain daripada hijau).

4.3 Sempadan luar litar hendaklah ditandakan dengan membina garisan putih.

4.4 Pemeriksaan pakaian di luar litar.

**5. JANGKA MASA PERSEMBAHAN**

5.1 Jangka masa persembahan sepenuhnya bagi ses sebuah pasukan ialah 12 minit. Pemberian markah bermula apabila platon mula bergerak masuk ke litar pertandingan dan berdasarkan tempoh masa yang ditetapkan sehingga semua anggota keluar dari litar. Selepas 12 minit, persembahan tidak akan dinilai.

5.2 Masa persembahan diambil kira bermula dari hukuman kawad ‘buka barisan’ sebelum melapor kepada Ketua Hakim. Persembahan terbahagi kepada 2 iaitu **KAWAD ASAS** dan **KAWAD FORMASI**.

5.3 Persembahan hendaklah merangkumi kedua-dua bahagian tersebut dengan didahului kawad asas.

5.4 Isyarat akan dibunyikan:

- a. Pada minit ke 10 (sekali)
- b. Masa tamat (dua kali)

**6. PELAKSANAAN PERTANDINGAN**

6.1 Semua pergerakan kawad asas mestilah mematuhi kawad pasukan Kadet Koreksional yang telah ditetapkan.

6.2 Bilangan Anggota:

- a. Setiap pasukan hendaklah dianggotai oleh 25 orang termasuk Ketua Platon ketika bertanding. Platon yang bilangan anggotanya kurang daripada 25 orang semasa memasuki litar akan dikenakan penalti.

- b. Jika ada anggota bertanding tidak dapat meneruskan pertandingan atas apa juga sebab sehingga menyebabkan bilangan anggota pasukan kurang daripada 25 orang maka penalti akan dikenakan.
- c. Tiada sebarang penggantian anggota dibenarkan ketika pertandingan kawad sedang berjalan walau apa pun sebabnya.

### 6.3 Pemeriksaan Pakaian:

Semua platon akan bersedia untuk pemeriksaan pakaian sebelum masuk ke litar mengikut giliran undian iaitu 15 minit sebelum masuk ke litar pertandingan kawad.

## 7. BAHASA HUKUMAN DAN PERGERAKAN KAWAD :

Bahasa Hukuman yang digunakan hendaklah mengikut bahasa hukuman pasukan Kadet Koreksional.

### 7.1 KAWAD ASAS

- a. Platon di bawa masuk oleh Ketua Platon ke litar pertandingan dengan 3 barisan, berjalan dalam masa cepat jalan dan berhenti di hadapan (tengah-tengah) Ketua Hakim. Kadar berjalan ialah 128-135 langkah seminit. Kelajuan yang lebih atau kurang akan ditolak 5 markah pasukan.
- b. Menghadap ke hadapan. Kata perintahnya “akan menghadap ke hadapan, kanan....pusing”.
- c. Buka barisan. Kata perintahnya, “buka, barisan.....gerak”.
- d. Luruskan barisan. Kata perintahnya, “ke kanan....lurus”. “Pandang.....depan”.
- e. Melapor. Ketua Platon melapor kepada Ketua Hakim. Semasa Ketua Platon melapor, skuad akan berada dalam kedudukan sedia dan buka barisan. Kata perintah ketika melapor ialah “Assalamualaikum / Selamat Sejahtera Tuan, Pasukan ???? siap untuk diuji tuan”.
- f. Memulakan kawad statik dalam keadaan ‘buka barisan’. Platon diwajib melakukan semua pergerakan kawad statik berikut mengikut urutan:
  - i. Bergerak ke kiri. Kata perintah: “bergerak ke kiri bertiga-tiga, ke kiri....pusing”.
  - ii. Bergerak ke kanan. Kata perintah: “bergerak ke kanan bertiga-tiga ke belakang.... pusing”
  - iii. Menghadap ke belakang. Kata perintah: “akan menghadap ke belakang, ke kanan....pusing”
  - iv. Menghadap ke hadapan. Kata perintah: “akan menghadap ke hadapan, ke belakang....pusing”.
- g. Hukuman ‘tutup barisan’ diberi selepas selesai kawad asas. Kata perintahnya, “tutup barisan.....gerak”.
- h. Hukuman bergerak ke kiri di beri (untuk memulakan kawad dinamik). Kata perintah: “bergerak ke kiri bertiga-tiga, ke kiri.....pusing”.

- i. Berjalan dalam masa ‘cepat jalan’ sebanyak satu pusingan dan apabila membelok, beri hukuman “dari kiri, kiri belok”.( Rujuk Pelan Litar Pertandingan 2).
- j. Hukuman ‘tukar langkah perlahan....perlahan jalan” diberikan setelah platun melepas kon D dan sebelum kon A.
- k. Hukuman “kiri belok” diberikan di kon F (kon hijau) dalam pusingan pertama dan apabila semua anggota platun selesai membelok, hukuman “akan menghadap ke hadapan, ke kanan....pusing” diberikan. Platun akan perlahan jalan dalam barisan melintang melintasi para hakim .
- l. Sebelum melintasi garisan kon B dan kon C, platun dikehendaki melakukan pergerakan berikut mengikut urutan.
  - i. “buka barisan” (dalam perlahan jalan)
  - ii. “pandang...kanan” (dalam perlahan jalan)
  - iii. “pandang...depan”. (dalam perlahan jalan)
  - iv. “tutup, barisan”. (dalam perlahan jalan)
- m. Sebaik sahaja melintasi garisan kon B dan C, hukuman “bergerak ke kiri bertiga-tiga, ke kiri....pusing” diberikan.
- n. Hukuman “tukar langkah cepat, cepat jalan” diberikan setelah platun berada antara kon C dan kon D.
- o. Platun akan berjalan sehingga ke kon D, hukuman “kiri belok” diberikan dan kon E (kon hijau) hukuman “kiri belok diberikan”. Selepas melintasi kon E, platun dikehendaki melakukan pergerakan kawad berikut mengikut urutan:
  - i. Hormat ke kanan. Kata perintah: “Hormat...hormat ke kanan....hormat”.
  - ii. Hormat ke hadapan. Kata perintah: “Hormat...hormat ke hadapan....hormat”.
  - iii. Tukar langkah semasa berjalan. Kata perintah: “Tukar langkah semasa berjalan, tukar langkah, tukar langkah, tukar langkah, maju”.
  - iv. Hormat selaku terima sijil. Kata perintah: “Selaku terima sijil, hormat ke hadapan.....hormat”.
  - v. Tukar langkah perlahan. Kata perintah: “Tukar langkah perlahan, perlahan....jalan”.
  - vi. Bergerak ke kanan dalam perlahan jalan. Kata perintah: “Bergerak ke kanan bertiga-tiga, ke belakang....pusing”.
  - vii. Tukar langkah cepat jalan. Kata perintah: “Tukar langkah cepat, cepat jalan”.
  - viii. Bergerak ke kiri. Kata perintah: “Bergerak ke kiri bertiga-tiga, ke belakang....pusing”.
  - ix. Menghadap ke belakang. Kata perintah: “akan menghadap ke belakang, kiri.....pusing”.
  - x. Menghadap ke hadapan. Kata perintah: “akan menghadap ke hadapan, ke belakang.....pusing”. (tiada hukuman henti dan ke kanan lurus)
  - xi. Hentak kaki. Kata perintah:”Hentak kaki”.
  - xii. Henti. Kata perintah: “skuad....henti”.
  - xiii. Mara mengadap. Kata perintah: “baris akan mara mengadap, dari tengah, cepat jalan”. (Ketua Platun akan bersama-sama platun ketika mara mengadap)
- p. Tamat bahagian kawad asas (statik dan dinamik).

### Catatan (1):

- a. Semasa kawad asas, tidak ada suara dari anggota platun, hanya hukuman Ketua Platun sahaja. (contoh: anggota menyebut kiraan masa; kiri, kanan, kiri)
- b. Ketua Platun memberi arahan secara statik dan mengadap ke arah platun semasa keseluruhan kawad asas. Semasa mara mengadap Ketua Platun akan masuk ke litar pertandingan dan mara mengadap bersama platunnya.
- c. Semasa membuat persembahan kawad, pasukan tidak dibenarkan membawa alatan.
- d. Isyarat tamat masa pertandingan akan diberikan oleh penjaga masa.

### 7.2 PERGERAKAN MEMBENTUK FORMASI

- a. Sebaik sahaja tamat ‘mara mengadap’, platun akan mempersembahkan pergerakan membentuk formasi mengikut kreativiti masing-masing. Kon akan dieluarkan oleh petugas sebaik sahaja Kawad dinamik selesai.
- b. Tidak dibenarkan memberi sebarang isyarat pergerakan atau bunyi seperti hentak kaki, ‘up’ atau ‘pass’ bagi mengendalikan platun tersebut kecuali isyarat pertama semasa memulakan kawad formasi.
- c. Unsur suara (slogan) dibenarkan kepada platun tetapi bukan tujuan memberikan arahan/hukuman kawad formasi.
- d. Ketua Platun boleh masuk menyertai kawad formasi. Permulaan dengan cara hentak kaki daripada Ketua Platun.
- e. Setiap platun dikehendaki mempersembahkan sekurang-kurangnya 4 jenis formasi yang berlainan. Formasi yang diulang akan dikira satu formasi. (Pergerakan setiap formasi hendaklah ditamatkan dengan cara 3 barisan menghadap ke hadapan).
- f. Penalti akan dikenakan untuk kesalahan-kesalahan berikut:
  - i. Keluar dari kawasan litar pertandingan
  - ii. Memberi isyarat.

### 7.3 Melapor Keluar

Ketua Platun dikehendaki melapor sebelum keluar litar kawad.

### 7.4 Penghakiman

- a. Pada peringkat kebangsaan Hakim terdiri daripada lain-lain agensi yang dijemput khas iaitu Polis Diraja Malaysia, Angkatan Tentera Malaysia dan Pegawai Jabatan Penjara. Seramai enam (6) hakim akan dilantik.
- b. Ketua Hakim hendaklah daripada kalangan Pegawai Jabatan Penjara Malaysia.
- c. Sekiranya berlaku persamaan markah diantara pasukan-pasukan yang bertanding maka markah kawad dinamik akan diambil kira. Sekiranya masih sama, markah kawad formasi akan diambil kira.
- d. Keputusan hakim adalah muktamad.

## 7.5 Bantahan

Pasukan yang bertanding boleh mengemukakan bantahan secara rasmi melalui pengurus pasukan masing-masing. Bantahan yang diterima hanyalah dalam aspek-aspek teknikal. (rujuk syarat mengemukakan bantahan)

## 7.6 Pemarkahan

### a. Markah pasukan:

Markah pasukan diperolehi berbanduan pecahan berikut:

i.	Pakaian	10%
ii.	Kawad statik dan dinamik	50%
iii.	Kawad formasi	30%
iv.	Ketua Platun	10 %
<b>Jumlahnya</b>		<b>100%</b>

### b. Ketua Platun:

Pemarkahan Ketua Platun diadili oleh hakim khas yang dilantik. Ketua Hakim boleh menghakimi Ketua Platun. Borang markah Ketua Platun juga berasingan dengan markah pasukan. Pemenang Ketua Platun terbaik akan dikira daripada jumlah markah tertinggi yang diperolehi oleh Ketua Platun tersebut.

## **Syarat-syarat Pertandingan Tamat**

### **PENERANGAN KAWAD FORMASI KADET GO**

Formasi ialah pembentukan rupa bentuk yang dilakukan oleh peserta kawad apabila mereka keluar dan masuk atau membuat pecahan dari rupa bentuk asal. Pergerakan ini hendaklah disulam dengan pergerakan hayunan tangan/ kaki/ muka/ jari ataupun suara atau kedua-duanya sekali.

Terbahagi kepada 3 unsur:

1. UNSUR GERAK
2. UNSUR PENGHAYATAN
3. UNSUR SUARA

Unsur gerak terkandung di dalamnya iaitu :

1. Kekayaan Gerak Formasi  
Penilaian hendaklah dilakukan khusus kepada gerakan-gerakan keluar dan masuk atau pecahan dan cantuman dan membentuk bunga-bunga tertentu.
2. Keseragaman Gerak Formasi  
Penilaian hendaklah secara keseluruhan, dilihat kepada gerakan tangan, kaki, muka, jari dan sebagainya.
3. Keindahan Gerak  
Keindahan gerak terkandung di dalamnya perkara-perkara seperti:

- a) **Gerakan dalam Unsur Kawad**  
Hendaklah seratus peratus pergerakan kawad.
- b) **Keseimbangan dalam penggunaan ruang**  
Penggunaan ruang keseluruhannya seimbang dan tidak tertumpu kepada satu-satu bahagian sahaja. Tidak terkeluar dari sempadan yang telah ditetapkan.
- c) **Kesatuan Gerakan**  
Kesatuan ialah suatu keadaan yang sama yang diwujudkan untuk mencantumkan formasi-formasi yang berbeza-beza itu sebagai contoh di dalam formasi satu-satu terdapat cambahan 'jalan perlahan' maka di setiap formasi terdapat cambahan 'jalan perlahan'. Walaupun dalam masa yang sekejap, ini dikatakan kesatuan pergerakan. Cambahan 'jalan perlahan' merupakan tindakan untuk menyatukan.  
Unsur suara boleh digunakan untuk melahirkan kesatuan.
- d) **Kepelbagaian Gerakan**  
Kepelbagaian ialah suatu keadaan yang berbeza-beza. Gerakan ini boleh saja berbentuk gerakan berdiri, berjalan atau pergerakan kawad yang lain. Asalkan pergerakan tersebut tidak terkeluar terus dari pergerakan kawad.
- e) **Gerakan Penutup**  
Hendaklah diakhiri dengan gerakan yang berunsur kawat.

## **UNSUR PENGHAYATAN**

Terkandung di dalamnya

- a) **Unik/kreatif**  
Penilaian hendaklah dilihat secara khusus mengikut formasi-formasi. Jika formasinya sesuatu yang baru serta unik boleh diberi lebih markah
- b) **Keserasian**  
Setiap gerakan dan suara hendaklah menggambarkan ahli menghayati gerakan Formasi, dan menggambarkan kewibawaan dan latihan yang mendalam.
- c) **Kemantapan**  
Penilaian adalah kepada hentakan dan ahli tidak menyebut sebarang nombor dan tiada arahan Ketua platur
- d) **Kesopanan**  
Peserta formasi tidak membelakangkan hakim,tidak mengangkatkan kaki kepada Ketua Hakim dan tidak mengeluarkan bahasa yang kesat/ lucah atau kedengaran seperti lucah.

## **UNSUR SUARA**

Suara adalah bunyi yang dikeluarkan oleh ahli bagi memantapkan gerakan-gerakan formasi. Bukan untuk menggambarkan kelemahan formasi dan dapat menarik perhatian penonton. Slogan tertentu boleh digunakan bagi menghasilkan kepelbagaian unsur bunyi-suara.

### **1. Slogan yang betul**

Slogan yang berkaitan dengan pasukan atau slogan yang meninggikan semangat dan mengeratkan kerjasama.

2. **Tepat**  
Slogan hendaklah tepat dengan pergerakan atau merupakan sokongan kepada pergerakan
3. **Padu**  
Suara atau slogan hendaklah kuat dan serentak.


Kesannya adalah formasi menjadi ceria/ bersemangat/ kreatif dengan tergabungnya

**UNSUR GERAK**


**UNSUR SUARA**

**UNSUR PENGHAYATAN**


## PLAN LITAR PERTANDINGAN KAWAD KAKI ( 1 )



## PLAN LITAR PERTANDINGAN KAWAD KAKI (2)



### PETUNJUK



Platun masuk ke Padang Kawat  
Pusingan Pertama

KETUA HAKIM




Pusingan Kedua



Tempat Melapor

### PLAN LITAR PERTANDINGAN KAWAD KAKI (3)



#### PETUNJUK



Arah pergerakan kawat



Henti



Tempat Melapor



Mara Menghadap

**SYARAT PERTANDINGAN SENI TANGKAS PENJARA (SENTAP)  
PERKHEMahan PASUKAN KADET KOREKSional PERINGKAT KEBANGSAAN  
TAHUN 2023**

**1. PENYERTAAN**

- 1.1 Penyertaan adalah terbuka kepada kontinjen Kadet Koreksional yang menyertai Perkhemahan Pasukan Kadet Koreksional Peringkat Kebangsaan Tahun 2023.
- 1.2 Hanya satu pasukan sahaja dibenarkan mewakili kontinjen iaitu kategori campuran lelaki dan perempuan ( minimum 25 orang, maksimum 30 orang) bagi menyertai pertandingan SENTAP

**2. PENDAFTARAN**

- 1.1 Anggota pasukan mestilah terdiri daripada pelajar-pelajar yang sedang menuntut di sekolah ( sehingga Tingkatan 6 )
- 1.2 Jumlah anggota bagi sesebuah pasukan yang didaftarkan hendaklah mestilah seramai minimum 25 orang atau maksimum 30 orang kadet lelaki dan perempuan (campuran)
- 1.3 Setiap peserta diminta membawa kad pengenalan untuk tujuan penyemakan status

**3. PAKAIAN DAN KEKEMASAN DIRI**

Pakaian pasukan lelaki dan wanita adalah baju "T" sentap yang telah diselaraskan berwarna hitam, seluar track dan kasut kanvas sukan.

**4. JANGKA MASA PERSEMBAHAN**

Jangka masa pertandingan sepenuhnya bagi setiap pasukan ialah 10 minit.

**5. PELAKSANAAN PERTANDINGAN**

- 5.1 Sekiranya terdapat kesalahan - kesalahan sebagaimana syarat-syarat di atas, markah akan akan ditolak daripada setiap kesalahan
- 5.2 Pergerakan wajib
  - 5.2.1 Asas Tangan Kosong (tumbukan, sikuan dan tangkisan )
  - 5.2.2 Asas Kaki (Tendang Lurus, Juring, sapuan berbalas juring dan Tendang Layang)
  - 5.2.3 Jurus 15
  - 5.2.4 Tari Waja
- 5.5 Potongan markah juga dibuat kepada pergerakan sentap yang salah dan tidak membuat pergerakan mengikut sukan yang ditetapkan
- 5.6 Markah diberi berdasarkan kepada perkara-perkara berikut:
  - 5.6.1 Pergerakan
  - 5.6.2 Kesungguhan
  - 5.6.3 Jurus

#### 5.6.4 Seni/Kelembutan

- 5.5 Melapor - Ketua melaporkan pasukan kepada Ketua Hakim. Semasa Ketua melapor, pasukan akan berada dalam keadaan sedia.  
Contoh melapor: "Assalamualaikum/Selamat pagi/Sejahtera tuan, saya (nama) .....Ketua Pasukan (nama platur/nama undian).....dengan anggota seramai..... orang siap sedia untuk Pertandingan Sentap, tuan".
- 5.7 Setelah selesai melapor Ketua hendaklah kembali ke tempat yang telah ditetapkan dan melakukan pergerakan hormat gelanggang bersama-sama pasukan seterusnya meninggalkan gelanggang.  
Contoh melapor: "Assalamualaikum/Selamat pagi/Sejahtera tuan, saya (nama) .....Ketua Pasukan (nama platur/nama undian).....dengan anggota seramai..... orang selesai pertandingan sentap pada pagi/petang ini dan mohon menjalankan lain-lain tugas, tuan".

### 6. KEPENGADILAN

- 6.1 Pengadil-pengadil yang dilantik bagi aktiviti pertandingan terdiri daripada pengasas-pengasas sentap.
- 6.2 Keputusan pengadil adalah muktamad.

#### Syarat-syarat Pertandingan Tamat

**SYARAT-SYARAT PERTANDINGAN KEBUDAYAAN  
PERKHEMahan PASUKAN KADET KOREKSional PERINGKAT KEBANGSAAN  
TAHUN 2023**

**1. PENYERTAAN**

- 1.1 Penyertaan adalah terbuka kepada kontinjen Kadet Koreksional yang menyertai Perkhemahan Pasukan Kadet Koreksional Peringkat Kebangsaan Tahun 2023
- 1.2 Hanya satu pasukan sahaja dibenarkan mewakili kontinjen iaitu Kategori Campuran melibatkan tidak kurang dari 10 dan tidak lebih dari 15 orang kadet.

**2. TEMA**

- 2.1 Tema : **KEBUDAYAAN ( JOGET / INANG / ASLI / ZAPIN )**  
Peserta mesti mempersembahkan acara kebudayaan yang beridentitikan Malaysia.
- 2.2 Pakaian yang bersesuaian tema dan tidak menjolok mata.
- 2.5 Penggunaan muzik berbentuk pen drive.
- 2.6 Prop dan aksesori dibenarkan.

**3. JANGKA MASA PERSEMBAHAN**

Masa tidak lebih dari 10 minit.

**4. PENILAIAN**

- 2.1 Mutu persembahan
- 2.2 Daya kreativiti
- 2.3 Menepati tema
- 2.4 Kerjasama dalam satu persembahan

**5. KEPUTUSAN DAN PENGHAKIMAN**

- 5.1 Keputusan hakim adalah muktamad
- 5.2 Segala bantahan selepas pengumuman dibuat tidak akan dilayan
- 5.3 Kumpulan yang tidak memenuhi syarat pertandingan akan dibatalkan penyertaannya
- 5.4 Penghakiman akan dibuat berdasarkan perkara berikut :

5.4.1 Persembahan Menepati Tema	-	30 markah
5.4.2 Kualiti Persembahan	-	30 markah
5.4.3 Kerjasama	-	20 markah
5.4.4 Kreativiti	-	10 markah
5.4.5 Penampilan	-	10 markah

**JADUAL PERKHEMAHAN KADET KOREKSIONAL PERINGKAT KEBANGSAAN TAHUN 2023**

TARIKH	5.00 - 6.00	6.00 - 7.00	7.00 - 7.30	7.30 - 10.30	10.30 - 11.00	11.00 - 1.00	1.00 - 2.00	2.00 - 4.30	4.30 - 5.00	5.30 - 6.30	6.30 - 9.00	9.00 - 10.30
SELASA 31/10/2023	KETIBAAN PESERTA DARI SEMUA SEKOLAH/GURU PENGIRING DAN JURULATIH, PENDAFTARAN, DAN MENDIRIKAN KHEMAH.							TAKLIMAT PERKHEMAHAN		MEMBINA GAJET	SIAP DIRI, MAKAN MALAM, SOLAT MAGHRIB DAN SOLAT ISYAK BERJEMAAH	CAMPFIRE
RABU 1/11/2023	SIAP DIRI, SOLAT SUBUH BERJEMAAH	PERHIMPUNAN DAN JASMANI PAGI (PPA)	SARAPAN PAGI	PERTANDINGAN KAWAD KAKI	KUDAPAN	PERTANDINGAN KAWAD KAKI	MAKAN TENGAH HARI DAN SOLAT ZOHOR	PERTANDINGAN SENTAP	MINUM PETANG DAN SOLAT ASAR	PERSIAPAN MALAM KEBUDAYAAN	MALAM KEBUDAYAAN	
KHAMIS 2/11/2023	RENTAS HALANGAN/ ORIENTEERING/ IKHTIAR HIDUP			MESEJ DARI PENJARA		MAKAN TENGAH HARI, MAJLIS PENUTUP			BERTOLAK PULANG KE DESTINASI MASING-MASING			